

**PROMOSI ‘JOM RAYA BERSAMA SOGO & DUITNOW QR’  
20 MAC – 19 APRIL 2024**

**TERMA & SYARAT**

**A. PENGANJUR**

1. Promosi ini dianjurkan oleh **SOGO (K.L) DEPARTMENT STORE SDN BHD (No Syarikat.: 195271-D)** (“Penganjur”) dengan kerjasama **PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN. BHD. (No Syarikat: 200801035403 (836743-D))** (“Penaja Baucar”).

**B. TEMPOH PENEBUSAN**

1. Promosi **Jom Raya Bersama Sogo & DuitNow QR** (“Promosi”) akan bermula dari 0:00:00 pagi pada **20 Mac 2024** hingga 23:59:59 pada **19 April 2024** (“Tempoh Penebusan”).
2. Semua penebusan adalah untuk pembelian pada tarikh yang sama. Penebusan yang diterima selepas tarikh pembelian tidak akan dilayan.
3. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk mengubah, menangguhkan, mengemas kini dan/atau melanjutkan Tempoh Penebusan dan/atau membatalkan/menamatkan Penebusan pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

**C. KELAYAKAN**

1. Promosi ini terbuka kepada semua pengguna DuitNow QR yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia (“Pelanggan”).
2. Hanya Pelanggan berwarganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contoh: kad pengenalan) layak menyertai Promosi.
3. Pelanggan juga mesti mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia yang tidak dorman dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Promosi sehingga penebusan Hadiah.
4. Pelanggan mestilah mematuhi kepada semua syarat kelayakan yang dinyatakan di atas untuk di ambil kira sebagai Pelanggan yang layak.
5. Pengarah, pegawai, wakil pekerja dan ahli keluarga terdekat mereka (termasuk ibu bapa, pasangan dan anak-anak) pihak Penganjur dan Penaja Hadiah tidak layak menyertai Promosi ini.

**D. KRITERIA KELAYAKAN**

1. Pelanggan mesti membelanjakan minimum RM100 dalam satu resit (SOGO) menggunakan DuitNow QR untuk layak penebus baucar bernilai RM10 (Contoh: SATU (1) transaksi = 1 penebusan baucar bernilai RM10).
2. Pelanggan boleh membuat penebusan di a) Pusat Khidmat Pelanggan SOGO Kuala Lumpur, Tingkat 7; b) SOGO Central i-City, Shah Alam, Tingkat 3 atau c) SOGO The Mall, Mid Valley SouthKey, Johor Bahru, Tingkat 2.

3. Penebusan baucar henaklah dibuat pada tarikh pembelian. Penebusan yang lewat adalah tidak layak. Tiada rayuan akan dilayan.
5. Pembelian yang dibatalkan atau pembelian yang dikembalikan adalah tidak layak untuk menyertai Promosi ini yang kedua-duanya di bawah budi bicara mutlak pihak Penganjur.

#### **E. PENEBUSAN BAUCAR**

1. Penebusan baucar adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/Penaja Baucar dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Baucar atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
2. Penebusan kehendaklah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan oleh penganjur. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pelucutan terhadap hak penebusan tersebut dan tiada bayaran balik akan diberikan.
3. Pelanggan mesti menebus baucar dalam tempoh seperti yang ditentukan oleh Penganjur.
4. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada baucar sebelum proses penebusan. Apa-apa kos tambahan lain (sebagai contoh perbelanjaan perjalanan dan cukai yang berkaitan) yang terlibat untuk menebus baucar akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan.
5. Visual Baucar yang dipamerkan dalam mana-mana iklan, publisiti promosi dan bahan lain yang berkaitan dengan Promosi ini adalah tujuan ilustrasi sahaja dan tidak boleh menggambarkan baucar yang sebenar.

#### **H. SYARAT UMUM**

1. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju untuk melepaskan Penganjur dan Penaja Baucar dari apa-apa liabiliti, kerugian, hak ganti rugi, dan apa-apa jenis tuntutan dan tindakan yang terhasil daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan atau penyalahgunaan baucar atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan Baucar atau Promosi dengan mengambil kira, tanpa batasan kepada kecederaan, kematian, dan kerosakan harta benda.
2. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur/Penaja Baucar tidak memberi jaminan atau perwakilan apa jua, secara nyata, tersirat atau berkanun, berhubung dengan Promosi ini, tidak terhad kepada, kualiti dan kebolehgunaan berkenaan dengan Baucar. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pihak Penganjur adalah satu-satunya pihak yang bertanggungjawab ke atas sebarang hal berkaitan Baucar, pengajuran dan pelaksanaan Promosi ini. Apa-apa persoalan berkaitan dengan Promosi ini boleh merujuk terus kepada pihak Penganjur.
3. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini dan/atau menukar atau menggantikan Baucar yang ditawarkan dalam Promosi ini dengan hadiah yang sama nilainya dan/atau mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

Tiada pampasan dalam bentuk wang tunai atau apa-apa jenis bentuk pampasan akan diberikan untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat dari perkara di atas. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk menyemak Terma dan Syarat Promosi secara berkala di laman web Penganjur atau laman web bank-bank yang terlibat.

4. Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penebusan lewat atau kehilangan baucar disebabkan oleh masalah kecuaian pelanggan dan/atau isu-isu teknikal yang lain. Bukti penebusan bukanlah bukti penerimaan.
5. Penganjur tidak bertanggungjawab untuk penebusan yang tidak layak atau yang dibuat secara fraud.
6. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk melucutkan pelanggan yang telah membuat penebusan sekiranya berlaku sebarang pelanggaran Terma dan Syarat.
7. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan penebusan palsu, atau penebusan yang disyaki dipalsukan pada bila-bila masa.
8. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan Promosi ini di mana-mana peringkat, jika dianggap perlu apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan, dan/atau jika terdapat keadaan di luar kawalannya.
9. Pelanggan dikehendaki menghadiri sesi fotografi dan videografi. Pihak Penganjur berhak untuk menggunakan aset ini untuk tujuan promosi.
10. Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang aduan dan pertanyaan tidak akan dilayan.
11. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung dengan Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat.
12. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana terma yang terdapat di dalam material promosi untuk Promosi ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
13. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
14. Terma dan syarat akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan adalah di bawah bidang kuasa ekslusif mahkamah Malaysia.

#### I. NOTIS PRIVASI

1. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Pelanggan di laman web Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2. Penganjur boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga termasuk dan tidak terhad kepada Penaja Baucar/institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk memproses Data Peribadi

Pelanggan. Semua pihak ketiga tersebut terikat dengan undang-undang untuk tidak menggunakan Data Peribadi Pelanggan selain dari cara yang dinyatakan di sini.

3. Dengan mengambil bahagian di dalam Promosi ini, Pelanggan dengan ini bersetuju untuk membenarkan bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada pihak Penganjur/Penaja Baucar untuk tujuan yang berkaitan dengan Promosi.
4. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Pelanggan termasuk:
  - a. Hak untuk menarik balik persetujuan untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah dengan memberikan kepada Penganjur nama Pelanggan dan alamat e-mel untuk tujuan memadamkan Data Peribadi tersebut;
  - b. Hak untuk memperoleh salinan Data Peribadi yang disimpan oleh Penganjur; dan
  - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
5. Jika Pelanggan ingin mengemukakan sebarang pertanyaan berkenaan isu berkaitan Data Peribadi atau ingin menggunakan hak di bawah undang-undang, bolehlah menghubungi pihak Penganjur di [www.sogo.com.my](http://www.sogo.com.my) atau hubungi 1300 88 7646
6. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan Data Peribadi Pelanggan selamat, dan memastikan pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Walau bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi pelanggan jika diperlukan oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.
7. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Promosi ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]